

KUALITATIF

Kualitatif bermaksud kualiti atau mutu. Dalam bidang pendidikan, kualitatif bermaksud kajian atau penyelidikan yang tidak menggunakan data statistik atau dihasilkan melalui prosedur kuantitatif. Ia adalah suatu kajian atau penyelidikan mengenai kehidupan seseorang atau sekumpulan orang, sesuatu cerita, tingkah laku, dan juga bagaimana sesebuah organisasi berfungsi, pergerakan sosial, atau mengenai hubungan kait interaksi. Data yang dikumpul dalam penyelidikan kualitatif ini boleh dikira tetapi analisis penyelidikan perlulah berbentuk kualitatif.

Terdapat sepuluh ciri utama dalam penyelidikan kualitatif. Pertama ialah kajian semula jadi (*naturalistic inquiry*) iaitu dalam penyelidikan kualitatif, pengkaji membuat sesuatu kajian dalam situasi sebenarnya tanpa membuat sebarang manipulasi ke atas unit analisis. Ini menunjukkan tiada perubahan dilakukan terhadap peserta kajian itu. Penyelidikan kualitatif adalah suatu proses yang terbuka kepada apa-apa yang timbul ketika penyelidikan itu dilakukan.

Ciri yang kedua ialah analisis induktif. Dalam proses analisis secara induktif, penyelidikan kualitatif adalah tertumpu kepada penyelidikan secara terperinci dan mendalam. Pengkaji menyelidik dari data spesifik untuk memperoleh kategori, dimensi, atau hubungan mengenai

sesuatu yang dikaji. Kajian kualitatif tidak bermula dengan hipotesis dahulu seperti dalam kajian kuantitatif. Sebaliknya ia mengkaji soalan-soalan secara terbuka yang timbul ketika menjalani penyelidikan tersebut.

Seterusnya, Perspektif Holistik. Kajian kualitatif tertumpu secara menyeluruh dan merupakan suatu sistem yang kompleks.

Ciri seterusnya ialah data kualitatif. Data yang diperoleh dalam kajian ini adalah berbentuk tulisan dan gambaran yang diberi secara mendalam dan terperinci. *Direct quotation* juga sering digunakan untuk menggambarkan perspektif dan pengalaman yang dilalui oleh responden kajian.

Hubungan terus (*personal contact and insight*) merupakan ciri kelima penyelidikan kualitatif. Oleh kerana pengkaji adalah instrumen kajian, maka pengkaji mempunyai hubungan secara terus dengan responden, situasi dan fenomena yang dikaji. Ini sangat penting bagi mendapatkan pengalaman dan *insights* dalam sesuatu kajian.

Seterusnya ialah ciri sistem dinamik. Dalam penyelidikan kualitatif, perhatian ditumpukan kepada proses. Pakar kajian kualitatif berpendapat bahawa sebarang perubahan dalam sesuatu proses adalah konstan dan berterusan sama ada fokus kajian adalah terhadap individu ataupun kumpulan. Pakar kajian kualitatif juga berpendapat bahawa setiap kes adalah istimewa dan tidak sama dengan yang lain (unik). Pada tahap pertama dalam penyelidikan, tumpuan diberikan kepada kes individu yang dikaji; ini diikuti pula dengan analisis menyilang kes.

Ciri seterusnya ialah konteks kepekaan (*context sensitivity*). Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian penyelidikan kualitatif adalah tertumpu kepada konteks. Ia dapat dilihat dari tiga segi iaitu aspek sosial, sejarah dan masa.

Ciri keneutralan empatik (*empathic neutrality*) pula membolehkan pengkaji memahami bahawa dalam kajian kualitatif, adalah agak sukar untuk mencapai objektiviti sepenuhnya kerana sebagai sebahagian daripada instrumen kajian, para pengkaji akan menggunakan pengalaman sendiri dan *empathic insights* mereka.

Akhir sekali ialah reka bentuk yang fleksibel. Penyelidikan kualitatif bersifat terbuka kepada sebarang perubahan terhadap situasi kajian. Pengkaji tidak perlu terlalu terkongkong (*rigid*) dalam mereka bentuk sesuatu kajian. Apabila timbul sebarang perubahan, penyelidik boleh mengubahsuaikan sendiri kajian dengan situasi baru.

Metod kualitatif memberi peluang kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan secara mendalam dan terperinci. Jika dibandingkan dengan metod kuantitatif yang menggunakan pendekatan yang *standardized* di mana respons para peserta kajian adalah terbatas kepada apa yang dikategorikan oleh penyelidik, pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif tidak terbatas kepada kategori analisis yang telah ditentukan.

Dalam mereka bentuk sesuatu kajian kualitatif, penyelidik perlu menentukan unit analisis untuk kajiannya. Contohnya ialah sama ada seseorang individu, kumpulan, atau organisasi. Fokus utamanya adalah untuk mengetahui apakah yang sedang berlaku kepada sesuatu individu dalam sesuatu keadaan dan bagaimana individu itu dipengaruhi oleh keadaan sekelilingnya. Isu utamanya ialah untuk memilih dan membuat keputusan tentang apakah unit analisis yang perlu dikaji supaya penyelidik dapat merumuskan tentang dapatan kajian itu.

Dalam penyelidikan kualitatif, sampel yang memberi maklumat terperinci (*purposeful sampling*) adalah strategi persampelan utama. Strategi ini bergantung kepada pilihan peserta yang boleh memberi maklumat balas untuk sesuatu kajian secara mendalam.

Saiz sampel dalam sesuatu penyelidikan bergantung kepada tujuan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, apa yang mempunyai kredibiliti, dan apa yang boleh dikaji dalam masa yang ditetapkan dan sumber yang sedia ada. Kesimpulannya, penyelidikan kualitatif membolehkan penyelidik berkecimpung dalam keadaan kajian yang sebenarnya.

BIBLIOGRAFI Ary, D., Jacobs, L. C. dan Razavieh, A., 2002. *Introduction to Research in Education*. Fort Worth: Holt, Rinehart & Winston • Creswell, J. W., 1994.

Research Design: Qualitative & Quantitative Research Approaches. London: SAGE • Denzin, N. dan Lincoln, Y., 1994. *Handbook of Qualitative Research*. Newbury Park, California: SAGE • Lincoln, Y. S. dan Guba, E. G., 1985. *Naturalistic Inquiry*. Newbury Park, California: SAGE • Marshall, C. dan Rossman, D., 1995. *Designing Qualitative Research*. Edisi ke-2. Thousand Oaks, California: SAGE • Merriam, S., 2000. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: JosseyBass • Patton, M. Q., 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*: Edisi ke-2. Newbury Park, California: SAGE • Strauss, A. dan Corbin, J., 1990. *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park, California: SAGE.

Nurahimah Mohd Yusoff